

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
SOALAN : NO. 128

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menjalankan kajian yang lebih terperinci berkaitan dengan penggunaan ketum dalam menghasilkan ubat tahan sakit seperti yang dijalankan oleh salah seorang profesor dari USM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membiayai kajian dalam bidang kesihatan dan perubatan oleh penyelidik-penyelidik Institusi Pendidikan Tinggi melalui pelbagai program geran penyelidikan. Salah satu program tersebut adalah Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centre of Excellence*, HICoE) yang mensasarkan pengukuhan penyelidikan bidang nic.

Di bawah Program HICoE, Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan (*Centre for Drug Research*, CDR), Universiti Sains Malaysia (USM) dibiayai untuk melaksanakan penyelidikan dalam bidang nic *Behavioural in Addiction* di mana salah satu programnya adalah berfokuskan kepada ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna Speciosa*. Penyelidikan tersebut merupakan usaha untuk memahami kesan-kesan perubahan perlakuan akibat penagihan dadah bagi meningkatkan kejayaan pemulihan. Dalam

kajian tersebut, penyelidik CDR mendapati ketum juga menunjukkan potensi di mana ianya efektif untuk mengurangkan kesakitan. KPT sentiasa memantau serta menyokong kajian ketum dan usaha ini diharap dapat menghasilkan satu produk yang berkesan dan *cost-effective* kepada Kerajaan.

Berdasarkan pangkalan data WoS, Malaysia merupakan negara yang tertinggi di dunia dalam menghasilkan penerbitan ilmiah berkenaan *Mitragyna Speciosa* atau ketum dalam tempoh 2000 hingga 2018. Dalam tempoh tersebut sebanyak 59 artikel telah dihasilkan berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 206.

Universiti Awam (UA) iaitu USM merupakan institusi utama di dunia yang banyak menghasilkan penyelidikan mengenai *Mitragyna Speciosa*. UA lain adalah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaya turut menghasilkan penyelidikan mengenai ketum yang kebanyakannya di dalam bidang *Pharmacology, Toxicology and Pharmaceutics* dan *Medicine*.

SOALAN : 129

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA
SELATAN)**

RUJUKAN : 10675

SOALAN :

PR-1361-T02061

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) matlamat penubuhan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan dan adakah matlamat penubuhannya sudah tercapai; dan**
- (b) bilangan penemuan dadah sintetik yang baru sejak 2017 apakah jenis-jenisnya.**

JAWAPAN:

a) **Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang berperanan untuk menerajui usaha membanteras masalah dadah di samping memberi fokus kepada pengurangan permintaan dadah dalam negara. Dalam hal ini, AADK menguatkuasa sepenuhnya Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan melaksanakan strategi-strategi pengurangan permintaan dadah yang terdiri daripada rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan penguatkuasaan terhadap penagih dadah.**

Usaha membanteras gejala dadah merupakan usaha yang berterusan yang harus dilaksanakan oleh semua pihak, termasuklah Badan-badan Bukan Kerajaan, pihak swasta, pemimpin-pemimpin masyarakat dan ahli-ahli komuniti. Menyedari hakikat ini, AADK kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan program *Community Empowerment* di bawah program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) untuk menggerakkan semua pihak agar mereka terlibat sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah.

Dalam bidang rawatan dan pemulihan penagihan dadah, AADK sentiasa memantau dan menilai kepulihan klien dan didapati bahawa kadar kepulihan bekas-bekas klien di Pusat Pemulihan Dadah adalah antara 55% hingga 60% dan ia melebihi sasaran 40% yang telah ditetapkan dalam KPI Kementerian untuk tahun 2016

dan tahun 2017. AADK melaksanakan program penilaian dan pengukuran kepulihan menggunakan instrumen pengukuran kepulihan SAMSHA (*Substance Abuse and Mental Health Services Administration*) di bawah *Institute National of Drug Abuse*.

b) Jenis-jenis dadah sintetik yang ditemui melalui rampasan PDRM adalah seperti syabu, ketamin, *ectasy*, eramin 5, Yaba, pil nospan dan pil-pil psikotropik.